

**Agensi Penguatkuasa Agama Perlu Lebih Aktif - Jamil Khir  
Bernama  
21 Mei, 2013**

PUTRAJAYA, 21 Mei (Bernama) -- Agensi penguatkuasa agama di seluruh negara perlu bergerak lebih aktif dalam menguatkuasa undang-undang terutama mengenai kes ajaran sesat, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Beliau berkata mereka juga perlu sentiasa bekerjasama dengan pihak penguatkuasa lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen dalam menjalankan penguatkuasaan.

"Jangan lagi sampai menunggu banyak laporan dibuat tetapi tindakan tidak dapat dilaksanakan kerana (maklumat) tidak dikemaskinikan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan amanat kepada warga agensi di bawah tanggungjawab beliau di sini hari ini.

Jamil Khir berkata pada masa ini terdapat mekanisme mesyuarat mingguan yang diketuai oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dengan Kementerian Dalam Negeri yang membolehkan maklumat berkaitan dapat disalurkan untuk tindakan bersama.

Beliau berkata perkara seperti itu juga dapat dilaksanakan di peringkat negeri bagi memudahkan tindakan penguatkuasaan.

Dalam perkembangan lain, Jamil Khir berkata kumpulan-kumpulan nukleus telah ditubuhkan bagi meneliti mengenai penubuhan Kolej Universiti Darul Quran dan Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM).

Beliau berkata kumpulan tersebut juga akan meneliti maklumat awal mengenai masalah membabitkan ajaran atau pegangan termasuk mengenai lesbian, gay, bisexual, dan transgender (LGBT) serta liberalisme, selain memberi cadangan bagi penyelesaiannya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=951280>